



KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SITUASI TERKINI KONFLIK DI ASIA BARAT

KUALA LUMPUR, 7 MEI 2026 - Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa, Dewan Rakyat telah mengadakan satu mesyuarat di Parlimen Malaysia. Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti yang berikut:

- 1. YB Tuan Wong Chen**
Ahli Parlimen Subang
Pengerusi JKP Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa
- 2. YB Datuk Willie anak Mongin**
Ahli Parlimen Puncak Borneo
Naib Pengerusi JKP Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa
- 3. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail**
Ahli Parlimen Kubang Pasu
- 4. YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik**
Ahli Parlimen Balik Pulau
- 5. YB Tuan Chong Zhemin**
Ahli Parlimen Kampar
- 6. YB Tuan Lee Chuan How**
Ahli Parlimen Ipoh Timor
- 7. YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan**
Ahli Parlimen Sri Gading
- 8. YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid**
Ahli Parlimen Bukit Bendera

9. YB Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy

Ahli Parlimen Kalabakan

10. YB Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Haji Abdullah

Ahli Parlimen Langkawi

11. YB Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal

Ahli Parlimen Machang

12. YB Tuan Haji Muhammad Ismi bin Mat Taib

Ahli Parlimen Parit

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ahmad Rozian bin Abd. Ghani, Timbalan Ketua Setiausaha (Hubungan Dua Hala) Kementerian Luar Negeri, YBhg. Datuk Bahria Mohd Tamil, Timbalan Ketua Setiausaha (Pelaburan dan Pengurusan) Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri serta *ex-officio* daripada Kementerian Ekonomi.

Agenda utama ialah mendapatkan taklimat daripada Kementerian Luar Negeri berhubung situasi terkini konflik di Asia Barat yang memberikan kesan kepada Malaysia secara langsung dan tidak langsung terutamanya dalam aspek hubungan luar negara antara Malaysia - Iran dan negara-negara yang terjejas. Kementerian Luar Negeri juga turut memberikan taklimat berhubung garis panduan bagi perjalanan ke luar negara yang telah dikeluarkan dan sentiasa memantau perkembangan situasi geopolitik ini.

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri juga telah memberikan taklimat berhubung pendekatan Malaysia dalam menangani kesan pelaburan dan perdagangan Malaysia susulan konflik Asia Barat ini. Taklimat ini turut merangkumi strategi dan langkah mitigasi dalam mengurangkan risiko pelaburan dan perdagangan negara. Kementerian Ekonomi juga turut berkongsi pandangan berhubung impak situasi di Asia Barat yang akan memberikan kesan langsung terhadap pertumbuhan ekonomi domestik.

Ahli-ahli Jawatankuasa berpuas hati akan penerangan yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat. Berdasarkan penerangan yang telah diberikan, Ahli-ahli Jawatankuasa sebulat suara ingin mengusulkan kepada kerajaan agar satu sidang khas Dewan Rakyat diadakan dengan secepat mungkin dan selewat-lewatnya pada awal bulan Jun 2026, mengambil kira keperluan mendesak untuk mendapatkan maklumat terkini berhubung perkembangan geopolitik, pendirian dan perancangan Malaysia dalam mendepani cabaran dan impak krisis di Asia Barat agar isu ini dapat dibincangkan secara komprehensif di Dewan Rakyat.

Jawatankuasa berpandangan bahawa Dewan Rakyat merupakan medan perbahasan yang terbaik dalam membincangkan perkara mustahak ini agar kepentingan rakyat Malaysia dapat dipelihara dan kebimbangan rakyat berhubung konflik ini dapat dijelaskan dengan sebaiknya.

Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri dan Kementerian Ekonomi atas komitmen yang tidak berbelah bagi kepada Jawatankuasa ini dalam memainkan peranan semak dan imbang kepada Parlimen.

- TAMAT -

**JAWATANKUASA PILIHAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA**